

Pembelajaran melalui Lagu dan Nyanyi

Gambaran Keseluruhan:

Terdapat beberapa langkah yang dapat dijadikan panduan apabila mengajar menggunakan lagu dan nyanyian dalam pembelajaran Bahasa Melayu. Yang berikut ialah langkah-langkah tersebut:

#1 Memilih lagu yang sesuai

Guru memilih lagu kanak-kanak yang mempunyai ciri-ciri seperti lirik yang pendek, berulang dan mudah difahami serta melodi yang menarik.



Guru menerangkan tema yang akan diajarkan kepada kanak-kanak.

#2 Menggunakan gerak-geri atau aksi yang sesuai

Guru menggunakan gerak-geri atau aksi apabila mengenalkan perkataan. Hal ini akan membantu kanak-kanak memahami dan mengamati perkataan dalam seni kata lagu. Sebut perkataan dalam seni kata bersama kanak-kanak untuk membantu penyebutan yang betul.



Guru mengajak kanak-kanak membuat aksi yang sesuai.

#3 Mengulang lagu dan aksi

Guru menyanyikan atau memperdengarkan lagu berulang kali sebelum mengajak kanak-kanak bernyanyi sambil melakukan gerak-geri atau aksi yang sesuai.



Guru mengulang lagu dan aksi bersama kanak-kanak.

**Pastikan aksi yang dipilih mudah diikuti oleh kanak-kanak mengikut usia.*

